

TERMA DAN SYARAT PENEBUSAN PT POINTS

1. myPTPTN merupakan platform digital rasmi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang boleh diakses melalui aplikasi mudah alih dan portal web. Melalui platform ini, pengguna boleh melaksanakan urusan berkaitan pinjaman pendidikan, simpanan Simpan SSPN, bayaran balik pinjaman serta mengakses maklumat promosi dan kempen terkini.
2. Menerusi pendekatan interaktif yang menyeronokkan, PTPTN memperkenalkan PT Points yang membolehkan pengguna mengumpul mata ganjaran PT Points melalui transaksi, kempen dan permainan digital di platform myPTPTN.
3. PT Points adalah nama bagi mata ganjaran yang diberikan kepada pengguna myPTPTN yang layak mengikut terma dan syarat. Pengguna myPTPTN boleh menebus PT Points berdasarkan kelayakan yang ditetapkan.

KELAYAKAN

4. Pengguna myPTPTN boleh membuat penebusan PT Points selagi ia masih sah dan tidak luput.

CARA PENEBUSAN PT POINTS

5. PT Points boleh ditebus oleh pengguna myPTPTN untuk bayaran balik pinjaman PTPTN yang masih mempunyai baki hutang dan/ atau penambahan simpanan di akaun Simpan SSPN yang masih aktif.
6. Penebusan hanya dibenarkan apabila jumlah mata ganjaran terkumpul mencapai had minimum 2,000 PT Points bersamaan nilai RM20.
7. Pengguna perlu memilih akaun yang berkaitan untuk menebus PT Points.

TEMPOH LUPUT PT POINTS

8. PT Points akan luput selepas tempoh dua (2) tahun daripada tarikh PT Points diberikan kepada pengguna myPTPTN. PT Points yang tidak ditebus dalam tempoh tersebut akan luput dan tidak sah untuk ditebus.
9. PTPTN berhak mengubah dari semasa ke semasa tarikh luput PT Points dengan memberikan notis awal 30 hari melalui portal rasmi PTPTN atau mana-mana saluran lain yang dianggap sesuai dengan PTPTN.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Penebusan PT Points*

Maklumat dikemaskini pada 24 September 2025